

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YAB Dato' Hj. Mohamed Khaled Bin Nordin
Menteri Besar Johor**

Bagi Tujuan:

**MAJLIS PERASMIAN
'SEMINAR ON EMERGENCE OF FUTURE CITIES'**

**SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANG BANDAR
SEDUNIA DAN KENAIKAN TARAF MAJLIS BANDARAYA
ISKANDAR PUTERI**

Tarikh:
27 November 2017 (Isnin)

Masa:
9.20 – 9.35 Pagi (15 minit)

Tempat:
**Phoenix Hotel, Forest City,
Johor Bahru.**

Bismillahirrahmanirrahim.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Muafakat Johor.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

Yang Berhormat DatoqHaji Azmi Bin Rohani,
Setiausaha Kerajaan Johor,

Yang Dihormati Tuan Haji Salehuddin bin Haji Hassan,
Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan),

Yang Dihormati Tuan Haji Mohd Khir Johari bin Salleh,
Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan,

Yang Berusaha Tuan Haji Adib Azhari Bin Daud,
Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri;

Yang Berusaha Encik Abdul Halim bin Ali Hassan
Pengerusi, Pertubuhan Perancang Malaysia, Cawangan Selatan;

Para Pembentang Kertas Kerja;

Ketua-ketua jabatan Persekutuan dan Negeri;

Ahli-ahli Majlis, Setiausaha dan Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian,
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri;

YBhg. Tan Sri, Yang Berhormat Datoq Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan
para peserta Seminar yang saya hormati sekalian.

Kata Aluan

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhana Wataqlla kerana dengan keizinan-Nya dapat kita berkumpul bersama-sama di dalam Program '**Seminar On Emergence Of Future Cities**' yang diadakan **bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Dan Kenaikan Taraf Majlis Bandaraya Iskandar Puteri**, yang dianjurkan bersama oleh Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Pertubuhan Perancang Malaysia, Cawangan Selatan.
2. Pertamanya, saya mengambil kesempatan ini merakamkan **ucapan penghargaan dan terima kasih** kepada semua pembentang kertas kerja serta para peserta (yang saya difahamkan datang daripada seluruh negara) di atas penyertaan serta sokongan bagi menjayakan program pada hari ini yang bertema kepada prospek dan cabaran kepada Iskandar Puteri.
3. Tema seminar pada hari ini adalah bertepatan dengan usaha Kerajaan Negeri dalam melestarikan pertumbuhan Johor terutamanya dari segi pembangunan bandar. Seperti yang diramalkan dalam Draf Rancangan Struktur Negeri Johor 2030 (Kajian Semula), jumlah penduduk bagi seluruh Johor akan meningkat sebanyak 70 peratus dari jumlah penduduk tahun 2015 kepada 6.06 juta penduduk pada tahun 2030. Selain itu, 70% daripada penduduk tersebut dijangka menduduki di kawasan bandar. Tekanan ke atas alam binaan dan semula jadi yang dibawa oleh peningkatan penduduk ini perlu diurus secara pintar oleh pembuat dasar dan juga agen-agen pembangunan.

Cabaran bandar masa hadapan - Identiti kewargaan, Persaingan antara bandar, pengangkutan, perumahan

4. Tuan-tuan dan puan-puan mesti pernah dengar dengan perkataan *citizenship* atau kewargaan dalam Bahasa Melayu. Dahulunya *citizenship* adalah lebih merujuk kepada kewarganegaraan. Apabila kami ditanya apakah *citizenship* anda? Secara spontan kami akan menjawab kamu adalah warganegara Malaysia.

5. Kini, kemajuan teknologi pengangkutan dan dasar terbuka telah mengiatkan lagi mobilisasi manusia. Generasi akan datang mungkin akan berpindah antara bandar yang dapat menawarkan peluang kehidupan yang lebih baik kepada mereka. Cara hidup yang demikian akan diamalkan secara signifikan oleh mereka yang mempunyai bakat yang tinggi. Dia mungkin menetap di Kuala Lumpur untuk menyempurnakan kontrak pekerjaan yang berlangsung selama 2 tahun, dan berpindah ke bandar di luar negara jika mempunyai peluang yang lebih baik, dan menukar lagi ke bandar yang dia berpendapat dia dengan keluarganya dapat berhidup dengan lebih berkualiti.

6. Oleh yang demikian, apabila mereka disoal ke atas *citizenship* , golongan tersebut akan cenderung untuk menjawab saya datang daripada New York City, Shanghai, Tokyo atau mana-mana bandar yang dia rasa **dipunyai bersama**. Identiti bandar menjadi semakin penting dalam menarik dan menyimpan mereka yang berbakat bagi negara.

7. Pada masa hadapan, setiap bandar akan bersaing dengan lebih giat dalam prestasi seperti ketersediaan tenaga kerja, keupayaan dalam mengurangkan karbon, indeks mobiliti, kesihatan awam, ketersediaan

sumber air dan kestabilan politik. Untuk memastikan bandar kami adalah relevan dan berdaya maju, kesemua pihak yang terlibat dalam agenda pembangunan perlu menggembeng usaha bersama.

8. Selain itu, teknologi baru juga telah menawarkan pilihan baru kepada warga kota . dari kereta bersaiz kecil yang bertujuan untuk individu transit kepada keretapi berkelajuan tinggi dan bas pintar. Menuju ke masa hadapan, saya yakin pemaju-pemaju hartanah dalam dewan ini akan semakin menyedari faedah yang dibawa oleh mengaitkan guna tanah tuan-tuan dan puan-puan dengan pengangkutan. Modal pembangunan tersebut dapat membentuk suatu sistem yang menawarkan kualiti hidup, kebebasan bergerak dan meningkatkan daya huni satu bandar.

9. Kejayaan suatu negara dalam dasar perumahan akan dilihat dari segi kepelbagaian dalam harga rumah dan jenis rumah yang ditawarkan kepada komuniti. Pesara mungkin akan memilih untuk menghuni rumah yang lebih kecil dan mempunyai kemudahan penjagaan, rumah tangga yang mempunyai anak mungkin akan berpindah rumah tanpa menukar sekolah anaknya, pekerja mungkin akan mencari rumah berdekatan dengan tempat bekerja mereka.

10. Adakah bandar kami mempunyai kefleksibelan, responsif, menawarkan pilihan, berdaya huni dan berterangkuman dalam mewujudkan kehidupan yang dicita-citakan oleh rakyat? Saya berharap seminar hari ini akan membantu dalam mencari hala tuju ke atas persoalan yang saya ketengahkan.

Usaha Melestarikan Pertumbuhan Johor Demi Generasi Akan Datang

Yang Berbahagia Dato'-dato', Tuan-tuan, para hadirin sekalian.

11. Usaha melestari dan merencanakan pertumbuhan Johor diteruskan dengan **Gagasan Johor Berkemajuan** yang telah digariskan oleh Kerajaan Negeri. Gagasan ini bukan sahaja bertujuan untuk menjadikan Negeri Johor sebagai sebuah negeri yang maju dari sudut ekonomi, tetapi juga bermatlamat untuk membentuk Bangsa Johor yang sejahtera, maju dan berdaya saing.

12. Hasrat ini diperkemaskan dengan tergubalnya **Pelan Pertumbuhan Strategik** oleh Kerajaan Negeri dengan menumpukan kepada **strategi pembangunan terancang** yang mengambilkira kekuatan setiap daerah di Negeri Johor. Hasil perancangan pelan ini dijangka akan menjadi **'impetus'** dalam membawa **hala tuju pembangunan setiap daerah** yang sudah tentu akan menjadi **pemangkin kepada pembangunan bandar** di Negeri Johor secara keseluruhannya.

13. Bagi menterjemahkan visi dan misi Pelan Pertumbuhan Strategik, Draf Racangan Tempatan Daerah dan Rancangan Struktur sedang dalam gubalan semula untuk menerapkan strategi yang berkaitan. Prinsip utama yang dipenggang oleh Kerajaan adalah mengoptimumkan sumber tanah secara bijak dan menyediakan alam bina yang kondusif untuk menampung pertambahan penduduk. Profil penduduk juga disemak semula untuk memastikan gaya hidup masyarakat tempatan adalah berkualiti.

14. Saya berharap pihak yang berkuasa dalam perancangan tanah dan bangunan akan dapat memainkan peranan masing-masing, bersama-sama dengan kami memastikan harapan negara untuk terus maju dapat dicapai.

Cabaran Masa Hadapan Bagi Pihak Berkuasa Tempatan

Para hadirin sekalian,

15. Negeri Johor mempunyai 16 buah Pihak Berkuasa Tempatan yang menguruskan 20 bandar bertahap Pusat Separa Wilayah Negeri dan ke atas. Kini, telah menjadi sebuah negeri yang mempunyai 2 buah bandaraya iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

16. Kedua-dua Majlis Bandaraya adalah bersempadan dengan satu sama lain tetapi mempunyai keunikan yang berbeza. Bandar Johor Bahru telah merupakan suatu bandar yang bersejarah yang telah dibuka oleh Temenggong Daeng Ibrahim semenjak 1850-an. Kebanyakan pembangunan berbentuk *brownfield* dan projek rejuvenasi bandar untuk menambahbaik pengalaman pengguna sedang giat dilaksanakan. Manakala Iskandar Puteri merupakan sebuah bandar baru kontemporari yang dirancang untuk dijadikan bandaraya bertaraf antarabangsa.

17. Kedua-dua bandaraya adalah saling melengkapi antara satu sama lain dalam menawarkan peluang kepada warga kota. Kedua-dua bandaraya telah menjadi aset kepada Negara dalam mengembang peluang pertumbuhan bagi Konurbasi Selatan negara.

Kisah semalam diulang bicara,
Perkembangan kini dikongsi bersama,
Perancangan masa depan dituju bersama.

18. Mulai 22 November 2017, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah akan dikenali dengan nama barunya, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

19. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri telah mewarisi 64 tahun pengalaman dalam urus tadbir bandar semenjak penubuhan 8 buah Majlis Tempatan sebelum Kemerdekaan bermula pada tahun 1953. Penggunaan nama Iskandar Puteri oleh Pentadbir bandarnya melambangkan jiwa baru dalam sejarah pemodenan Johor yang bermula dengan lada hitam dan gambir, ke satu bandaraya yang berketerangkuman dan mampan.

20. Saya berharap Pihak Berkuasa Tempatan ini dapat menumpukan usaha mereka dalam memaju dan menambahbaik bandar untuk membawa manfaat kepada warganya. InsyaAllah suatu masa Iskandar Puteri mampu berperanan sebagai **satu bandar moden dan mampan yang serba lengkap, ia** akan menjadi nadi pembangunan kepada Negeri Johor dan Malaysia, malah ia boleh menjadi contoh dan model **bandar yang sejahtera untuk didiami, bekerja, belajar dan untuk beriadah pada tahap global.**

21. Pembangunan yang menarik sedang berlaku dalam bandar ini seperti Kereta Api Berkelajuan Tinggi, Forest City, Stadium Baharu JDT dan *Fastrack* Iskandar. Lokasi yang strategik, aksesibiliti yang tinggi,

komuniti yang berdaya dan prasarana yang mesra pelaburan akan membawa bandar ini jauh lagi ke kurun yang akan datang.

Penutup dan Ucapan Terima kasih

Tuan-tuan dan Puan-puan, para hadirin sekalian.

22. Setiap 8 November merupakan Hari Perancangan Bandar Sedunia. Perayaan tersebut akan berlangsung sepanjang bulan November untuk meningkatkan kesedaran ke atas kepentingan pembangunan penempatan manusia yang selesa. Ia turut meraikan dan menghargai peranan perancang bandar dalam perancangan dan pembangunan khususnya ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan pembentukan masyarakat yang sejahtera.

23. Tema sambutan pada tahun ini ialah ~~+~~Merancang Bersama Komuniti+selaras dengan pelaksanaan New Urban Agenda (NUA) yang sedang dalam pelaksanaan pada peringkat antarabangsa dan tempatan. Sambutan peringkat kebangsaan pada tahun ini telah berlangsung selama dua (2) hari iaitu pada 10 dan 11 November 2017 di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, iaitu bertempat di Pengkalan Puteri.

24. Kami berharap alam bina yang dicipta oleh kami adalah sempurna untuk hidup, lestari dan didorong oleh keterangkuman dan kepelbagaian.

25. Saya sekali lagi mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih atas jemputan untuk saya hadir di Majlis Perasmian pada pagi ini serta **ucapan tahniah** kepada Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Pertubuhan Perancang Malaysia Cawangan Selatan serta semua pihak dan para peserta yang menyokong dan menjayakan program ini. Semoga seminar hari ini dapat melahirkan idea yang bernas untuk kita membincangkan isu-isu dan permasalahan yang wujud serta berkongsi idea dan pengetahuan berkaitan usaha yang boleh dilakukan **bagi memastikan Iskandar Puteri tetap maju dan sejahtera.**

Ucapan Perasmian

26. Akhir kata, saya dengan dengan lafaz **BISMILLAH HIRRAHMA NIRRAHIM** merasmikan '**Seminar On Emergence Of Future Cities**'.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.